

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 JUN 2014 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Asia-Pacific's best in business	The Star
2	UniMAP kembangkan teknologi geopolimer	Utusan Malaysia
3	Nuclear field trip for 20 schools	The Sun
4	Keputusan ujian coklat Cadbury oleh Jabatan Kimia diketahui Rabu	Utusan Malaysia
5	Sampel coklat diambil terus dari kilang	Kosmo
6	Dua sampel coklat diambil dari kilang	Sinar Harian
7	Sampel Cadbury diambil terus dari kilang	Harian Metro
8	Jangan ragu status halal Jakim	Sinar Harian
9	Isu coklat Cadbury	Sinar Harian
10	Melaka Biotech sedia bantu Jakim	Sinar Harian
11	Concerns persist with latest firearms discovery	The Malay Mail
12	Rancang program bermanfaat elak anak ke kafe siber	Berita Harian
13	Need to re-look 'sustainable development'	New Straits Times
14	Experts: El Nino not to be taken lightly	The Malay Mail

KERATAN AKHBAR
 THE STAR (STAR METRO) : MUKA SURAT 17
 TARIKH : 2 JUN 2014 (ISNIN)



Asia-Pacific's best in business

Certification body presents more than 80 awards to deserving industry captains, companies

By KELLY TEY
 kellytey@thestar.com.my



THE Asia-Pacific Top Excellence Recognition Convention returned for the 13th time to honour some of the region's most accomplished enterprises and brands.

This year, the annual event saw the presentation of more than 80 awards over 12 categories to entrepreneurs, including the Asia-Pacific Top Excellence Brand, the Top CEO and the Entrepreneur of the Year awards.

Asia-Pacific Top Excellence Brand Committee advisory board chairman (Asean) Darwin Yang said the year's brand achievement was not left to chance but instead was

the result of great effort on the entrepreneurs' part.

"It is heartening for us to witness the development of more than one thousand companies and entrepreneurs in the Asia Pacific.

"We are eager to help enterprises build not just a brand, but the number one brand," said Asia-Pacific Top Excellence Brand Committee president Prof Dr Albert Tan regarding its recipients.

Speaking at the event, Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah emphasised the importance of branding to a company's success and sustainability.

"Branding is the soul of a corporation and the pillar that supports its existence and sustainability," he said.

"In the age of globalisation, where communication and technology grow rapidly, the

market is very competitive, making it difficult for businesses to survive and stand out.

"Companies need to brand themselves as a reputation, a promise and a responsibility to create wider recognition and better market efficiency," he added.

Since its inception, the third-party international certification body has been committed to helping enterprises propel businesses by focusing on brand strengthening.

The committee continuously organise training and seminars to help entrepreneurs in the cultivation of network, identifying business opportunities, as well as to develop marketing tools in order to grow their brand.

Asia-Pacific Top Excellence Brand Committee honorary president Datuk Yong Khoon Seng and organising chairman and secretary-general Prof Dr Adam Tan were also present at the event.

1 YS Photo Studio & Color Processing Sdn Bhd managing director Jeffrey Sek (centre) receiving one of five Asia Pacific Top CEO awards from Abu Bakar (left) and Yong.

2 Industry leaders and entrepreneurs from Asia Pacific, including Malaysia, Thailand, Singapore, Indonesia and China, who attended the awards night.

3 Abu Bakar (second from left) and Yong (second from right) presenting one of the Top Excellence Brand awards to San Shu Gong Food Industries Sdn Bhd factory manager James Tan Bee Chen (third from left) and senior production executive Ng Ong Yau (third from right) while organising chairman Prof Dr Adam Tan (right) and Prof Dr Albert Tan (left) look on.

UniMAP kembangkan teknologi geopolimer

Mendalami teknologi konkrit polimer di Mongolia untuk diguna pakai di Malaysia

UNIVERSITI Malaysia Perlis (UniMAP) berhasrat mengembangkan penyelidikan teknologi geopolimer terutama dalam bidang bahan konkrit dalam usaha memacu perkembangan industri pembinaan yang berasaskan teknologi hijau di Malaysia.

Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, penggunaan konkrit simen biasa dalam pembinaan bangunan menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dengan pembebasan Karbon Dioksida (CO₂).

Katanya, pasukan penyelidik UniMAP melalui Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau (CEGeoGTech) yang diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Dr. Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah telah menghasilkan penyelidikan konkrit hijau tanpa simen yang dapat mengurangkan penghasilan CO₂.

"Kerjasama berkenaan memberi fokus terhadap penyelidikan konkrit geopolimer berasaskan abu terbang (*fly ash*) di Mongolia yang dipercayai mempunyai kandungan kalsium dan kadar mampatan yang lebih tinggi dan dilihat selari dengan penyelidikan yang dijalankan oleh CEGeoGTech UniMAP.

"Abu terbang atau tanah liat yang digunakan mempunyai sifat-sifat dan komposisi bahan kimia hampir seperti simen biasa dan kerjasama ini diharap dapat membantu UniMAP mendalami perkembangan teknologi konkrit geopolimer di Mongolia untuk digunakan dengan perkembangan teknologi di



KAMARUDIN Hussin (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Jadambaa Temuujin sambil disaksikan Abu Bakar Mohamad Diah sempena Simposium Malaysia-Indonesia Geopolimer di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Malaysia. Ia merupakan perjanjian pertama UniMAP dengan Mongolia, dan kami amat berharap ianya akan membuka lebih banyak peluang dan jaringan kerjasama antara kedua-dua pihak selepas ini," katanya dalam majlis memeterai perjanjian persefahaman (MoU) antara UniMAP dengan Mongolian Academy Of

Sciences (MAS) baru-baru ini.

Dalam perjanjian itu, UniMAP diwakili oleh Dr. Kamarudin manakala MAS diwakili Ketua Saintis, Institute of Chemistry and Chemical Technology, Dr. Jadambaa Temuujin dengan disaksikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar

Mohamad Diah.

Perjanjian itu dibuat bersempena Malaysia-Indonesia Geopolimer Symposium anjuran CEGeoGTech UniMAP dan Institut Kejuruteraan Infrastruktur & Pengurusan Mampam (IIESM) Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan kerjasama Persatuan Geopolimer Malaysia (MyGeopolymer) dan Konsorsium Riset Geopolimer Indonesia (KORIGI) di Pusat Dagangan Dunia Putra baru-baru ini.

MIGS menghimpunkan lebih 70 peserta dari IPT Malaysia dan Indonesia dengan 12 pembentang utama dalam bidang-bidang Geopolimer.

Hadir sama, Pakar Geopolimer dari Petra Christian University Surabaya, Prof. Dr. Ir. Djwantoro Hardjito.

Dalam Ucapannya, Dr. Abu Bakar menggesa institusi pengajian di negara ini meneroka bidang penyelidikan baharu terutama yang mampu menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Menurut beliau, sejajar perkembangan dan peredaran masa negara perlu bersedia dengan penciptaan produk baharu terutama yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

"IPT juga perlu sentiasa menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak-pihak luar terutama yang mampu memberikan ilmu baru yang bermanfaat.

"Penciptaan penyelidikan baharu dan kerjasama dengan pihak luar ini secara tidak langsung membantu negara mencapai sasaran 72 saintis bagi setiap 10,000 warga kerja mampu dicapai," katanya.

Nuclear field trip for 20 schools

KUALA LUMPUR: Twenty schools from throughout the country have been chosen to participate in a three-day nuclear camping programme, which began yesterday, at the **Malaysian Nuclear Agency (MNA)** in Bangi, Selangor.

MNA said in a statement yesterday that teachers and students would be able to view nuclear technology facilities.

"They will also be have an opportunity

to carry out experiments with the guidance of the agency's scientists.

"The objective of the programme is to introduce and spread science and technology subjects through learning outside of the class, and to develop the confidence and trust of science students and teachers on the safety of nuclear technology," the statement said. -
Bernama

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 09
TARIKH: 02 JUN 2014 (ISNIN)

Keputusan ujian coklat *Cadbury* oleh Jabatan Kimia diketahui Rabu

KUALA LUMPUR 1 Jun - Umat Islam di negara ini dinasihati bersabar menanti keputusan sama ada dua produk coklat Cadbury mengandungi Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi (porcine) atau sebaliknya, yang akan diketahui selewat-lewatnya Rabu ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, keputusan itu akan diketahui selepas makmal di Ibu Pejabat Jabatan Kimia, Petaling Jaya, dekat sini menjalankan kajian terhadap sampel coklat berkenaan yang diserahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sebelum ini.

Menurut beliau, langkah tersebut dijalankan memandangkan makmal tersebut mempunyai akreditasi dan infrastruktur dalam menentukan kesahihan dakwaan kandungan DNA babi berkenaan berbanding makmal-makmal lain.

Jelasnya, kajian di makmal tersebut akan memfokuskan terhadap penggunaan sampel berwibawa yang diambil terus dari kilang syarikat berkenaan yang tidak tercemar dari mana-mana sudut.

"Sampel ini telah dihantar dan kita tunggu dalam tempoh tujuh hari bekerja. Jadi kalau ikutkan, hari Rabu ini adalah hari terakhir untuk dapat keputusan daripada Jabatan Kimia bagi menentukan kesahihan

dakwa DNA babi berkenaan.

"Kuasa mengeluarkan keputusan adalah melalui mesin ataupun makmal yang telah diberi akreditasi iaitu hanya makmal kimia di Petaling Jaya. Yang menjadi perbincangan kini adalah kita kena mengambil sampel-sampel yang dibawa, adakah sampel itu dibawa dari kilang, kedai atau orang perseorangan.

"Kedua, dalam mengambil kira makmal (selain di Petaling Jaya) untuk memberi keputusan, apakah makmal itu mempunyai kuasa iaitu akreditasi yang boleh menjadikannya badan berkredibiliti dan mampu mengaku perkara tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Ijtimak Ahlul Sunnah Wal Jamaah anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) di Bangi dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha dan Yang Dipertua Yadim, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Jamil Khir mengulas laporan Kementerian Kesihatan yang mengesahkan dua sampel coklat Cadbury iaitu coklat susu dengan kacang hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dan coklat susu dengan buah badam (Cadbury Dairy Milk Roast Almond) mengandungi DNA babi.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan, memang terdapat banyak makmal yang dibina di negara ini

bagi mendapatkan pencerahan berhubung status halal daging-daging tertentu tetapi bukan untuk peranan spesifik seperti menentukan DNA sesuatu sampel.

Bahkan, katanya, dalam konteks perundangan sekalipun, hanya sampel dari makmal di Petaling Jaya sahaja akan digunapakai untuk tindakan mahkamah kerana makmal-makmal lain tidak mempunyai akreditasi atau mencapai tahap-tahap yang dibenarkan.

"Kalau sampel itu diambil di pertengahan jalan, mungkin boleh berlaku pencemaran dan sebagainya.

"Jadi, makmal kimia ini menjadi makmal rujukan kita. Kenapa kita panggil rujukan? Sebab terdapat banyak makmal tetapi ia tidak dibina di atas kekuatan hakikinya untuk mencari campuran-campuran atau ramuan yang dimasukkan bukan dari bahan halal," katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Jamil Khir menyeru umat Islam agar bersabar menantikan keputusan makmal terbabit dan dipercayai kewibawaannya dalam menjalankan kajian tersebut.

"Kita faham bahawa di Malaysia, umat Islamnya amat berhati-hati dan begitu sensitif dalam soal makanan mereka. Apatah lagi ia berkaitan dengan unsur haram yang berkaitan baik dalam bentuk babi atau minuman arak dan sebagainya," katanya.

Sampel coklat diambil terus dari kilang

BANGI - Dua sampel coklat Cadbury yang didakwa mengandungi asid deoksiribonukliek (DNA) babi diambil terus dari kilang pengeluar produk itu bagi mengelak sebarang pencemaran, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (**gambar**).

Beliau berkata, sampel itu juga diteliti makmal **Jabatan Kimia** di Petaling Jaya yang telah diberikan tauliah oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk mengeluarkan sijil halal.

Menurutnya, makmal itu juga diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten dalam menganalisis makanan, selain mendapat akreditasi daripada **Jabatan Standard Malaysia** di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA termasuk pengujian produk makanan terproses.

"Bagi Kementerian Kesihatan, makmal mereka didedikasikan bukan untuk menentukan halal dan DNA berunsur babi tetapi hanya penemuan sampingan, sampel

mereka juga bukan dari kilang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Ijtima Ahlus Sunnah Wal Jamaah sempena program Dakwah Negara 2014 di Universiti Kebangsaan Malaysia di sini semalam.

Khamis lepas, Jakim dalam kenyataan akhbar memberitahu, keputusan rasmi berhubung status halal berikutan penemuan DNA babi dalam dua sampel coklat Cadbury akan diumumkan sebaik keputusan analisis Jabatan Kimia diperoleh dalam tempoh tujuh hari.

Menurut Jamil Khir, sumber sampel juga merupakan perkara penting dalam meneliti kandungan bahan itu di makmal sama ada melalui orang persendirian, kedai atau kilang.

Akhbar sebelum ini melaporkan, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya melakukan analisis DNA babi pada tiga sampel coklat Cadbury untuk tujuan pemantauan baru-baru ini.

Katanya, keputusan analisis mendapati



KERATAN Kosmo! 25 Mei 2014.

sampel Cadbury Dairy Milk Hazelnut bernombor kelompok 200813M01H I2 bertarikh luput 13 November 2014 dan Cadbury Dairy Milk Roast Almond dengan nombor kelompok 221013N01R I1 bertarikh luput 15 Januari 2015 dikesan mengandungi DNA babi.

Dr. Noor Hisham memberitahu, satu lagi sampel coklat iaitu Cadbury Dairy Milk Chocolate bagaimanapun tidak dikesan mengandungi DNA tersebut.

Dua sampel coklat diambil dari kilang

■ MOHD HAFIZ ISMAIL

BANGI - Dua sampel coklat Cadbury, yang didakwa mengandungi DNA khinzir, diambil terus dari kilang pembuatan bagi mengelak sebarang pencemaran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, sampel itu juga diteliti makmal yang terletak di Petaling Jaya dan telahpun diberikan autoriti oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk mengeluarkan sijil halal.

Makmal itu juga diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten dalam menganalisis makanan selain mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia bagi pengujian DNA.

"Untuk Kementerian Kesihatan, makmal mereka diakreditasi bukan untuk menentukan halal dan DNA

berunsur khinzir tetapi hanya penemuan sampingan, sampel mereka juga bukan dari kilang," katanya dalam sidang media selepas merasmikan program Ijtimak Ahli Sunnah Wal Jamaah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Beliau berkata, sumber sampel juga merupakan perkara yang penting dalam meneliti kandungan bahan itu di makmal sama ada melalui orang persendirian, kedai atau kilang.

Katanya, keputusan Rabu ini penting bagi meredakan keraguan rakyat Malaysia terhadap dua sampel coklat Cadbury yang didakwa mempunyai DNA babi.

Beliau berkata, sememangnya umat



JAMIL KHIR

Islam rasa ditipu kerana perkara ini melibatkan soal halal dan haram makanan di pasaran.

Kelmarin, Ketua Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha berkata, pihaknya mengambil tindakan ekoran dua sampel coklat keluaran Syarikat Cadbury Confectionary (M)

Sdn Bhd yang didapati mempunyai DNA babi yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, pihaknya perlu membuat ujian semula, proses untuk mengkaji sampel ini mengikut peraturan yang ketat dan hanya orang tertentu layak mengambil sampel dan ia perlu diambil di kilang agar ia bersih tanpa sebarang campuran.

Sampel Cadbury diambil terus dari kilang

Bangi: Dua sampel coklat Cadbury yang didakwa mengandungi DNA babi diambil terus dari kilang pembuatan bagi mengelak sebarang pencemaran, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata sampel itu juga diteliti makmal yang terletak di Petaling Jaya dan sudah diberikan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mengeluarkan sijil halal.

Makmal itu juga diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten menganalisis makanan selain mendanai akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA, termasuk pengujian produk makanan terproses.

"Untuk Kementerian Kesihatan Malaysia, makmal mereka didedikasikan bukan untuk menentukan



JAMIL Khir

halal dan DNA berunsur babi, tetapi hanya penemuan sampingan, sampel mereka juga bukan dari kilang," katanya selepas perasmian Iitima Ahlus Sunnah Wal Jamaah bersempena program Dakwah Negara 2014 di Universiti Kebangsaan Malaysia semalam.

Jamil Khir berkata, sumber sampel juga perkara yang penting dalam meneliti kandungan bahan itu di makmal sama ada melalui orang persendirian, kedai atau kilang.

Jangan ragu status halal Jakim

Insiden DNA babi dalam dua coklat keluaran Cadbury menjadi gempar apabila kedua-dua produk itu mempunyai logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Pengguna Islam khususnya begitu marah dengan pendedahan itu sehingga ada pihak yang mahu mengambil tindakan undang-undang selain mahu memboikot produk syarikat tersebut. Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan prosedur bagi mendapatkan status halal sesuatu produk, ikuti temubual wartawan *Sinar Harian*, NORUTUL ILHAM MAD JARI bersama Ketua Pengarah Jakim, DATUK OTHMAN MUSTAPHA, Pengarah Bahagian Halal Jakim, HAKIMAH MOHD YUSOFF dan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Halal Jakim, MOHD AMRI ABDULLAH.

Boleh Datuk terangkan mengenai dua coklat Cadbury yang ditemui ada DNA babi?

OTHMAN: Isu ini hebat sekali sehingga saya sendiri terima keratan laporan akhbar di Mesir berkenaan isu Cadbury di Malaysia. Senario ini kecoh dan meresahkan masyarakat apabila telah dikeluarkan maklumat hasil daripada makmal Kementerian Kesihatan yang bocor pada 23 Mei lalu di Facebook dan sebagainya.

Sedangkan kami tidak tahu keputusan oleh makmal Kementerian Kesihatan, kuasa yang diberikan kepada dia (Kementerian Kesihatan) adalah untuk memastikan bahan dalam sesuatu produk itu sama dengan apa yang dicatatkan pada bungkusan.

Bila kandungan itu ditemui ada porsin (DNA babi), sudah melangkaui daripada pihak kami, iaitu coklat di analisis itu mempunyai DNA babi, kalau temui sayur tiada masalah. Masyarakat terus salahkan Jakim. Tapi kita tidak dilaporkan pun analisis itu dikatakan ada DNA babi.

Pada pagi 24 Mei, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Hisham buat kenyataan dan petang itu saya terus panggil mesyuarat dengan semua pegawai dan ambil keputusan.



an menggantung sijil halal dua coklat Cadbury sehingga siasatan siap.

Ada mendakwa Jakim lambat ambil tindakan kerana kajian Kementerian Kesihatan pada 27 Februari tetapi 23 Mei baru diketahui. Boleh Datuk jelaskan?

OTHMAN: Kenapa kami lambat ambil tindakan sebenarnya kami tiada laporan. Pada 2004 kita memberikan sijil halal kepada Cadbury sehingga sekarang, kita buat pemeriksaan berkala.

Di samping pemeriksaan berkala itu ada eksekutif halal untuk semak perjalanan kilang itu mematuhi halal atau tidak, dalam perkara ini mereka ada pihak Internal Halal Community.

Terakhir kita buat pemeriksaan di kilang Cadbury pada 27 Februari lalu, Cadbury masih patuhi sijil halal. Kajian dibuat Kementerian Kesihatan pada 27 Februari, mengambil sampel yang kita tidak tahu apa kedudukannya.

Mengapa perlu diadakan uji kaji semula sedangkan ujian sudah dibuat oleh Kementerian Kesihatan sebelum ini?

OTHMAN: Ujian semula ini mengambil kira hasil mesyuarat dua hari lepas yang dihadiri Kementerian Kesihatan, Jabatan Standard, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Jabatan Kimia yang memberikan kebenaran untuk lakukan uji kaji kepada makmal standard di Malaysia.

Jabatan Kimia satu-satunya diakreditasi oleh Jabatan Standard untuk ujian, sampai ujian DNA babi.

Jabatan Kimia juga mematuhi penapisan halal Malaysia dan menetapkan hasil analisis dari Jabatan Kimia sahaja boleh diguna pakai untuk penapisan halal, bahkan di mahkamah sekalipun jika berlaku kes-kes tertentu.

Seperti apa berlaku sekarang, jika ada pihak yang bawa ke mah-

kamah, pihak mahkamah hanya pakai apa dikeluarkan oleh Jabatan Kimia sahaja, malah Kementerian Kesihatan sendiri kena rujuk Jabatan Kimia juga.

Oleh sebab itu, kita perlu membuat ujian semula, proses untuk mengkaji sampel ini mengikut peraturan yang ketat, seperti orang tertentu layak ambil sampel dan ianya perlu diambil di kilang dan bukannya di kedai supaya ia bersih dan tiada percampuran.

Dalam kes Cadbury ini, andainya berlaku positif yang kita kira proses yang kita beri sudah cukup ikut standard dan SOP dan andainya berlaku juga, maknanya kita harus ambil tindakan yang sesuai di bawah akta perdagangan di bawah kuasa kita.

Mungkin hari Rabu kita dapat, tapi kalau dapat lebih cepat, kita akan beritahu lebih awal.

Masyarakat tengah marah pada Jakim, dan mereka tidak tahu prosedur bagaimana atau kenapa Jakim suruh orang lain buat, patutnya Jakim yang buat sendiri.

Tapi kena ingat kita ada SOP yang perlu dipatuhi dan standard yang diiktiraf luar negara.

Apakah tindakan menggantung sijil halal ini kerana produk itu haram untuk dimakan? Boleh pihak Jakim perelaskan?

HAKIMAH: Bila kita gantung sijil halal itu adalah bertujuan siasatan, jadi dalam status ini, dalam tempoh ini, kita katakan status coklat yang terlibat masih belum boleh dikatakan haram.

Kekacauan masyarakat sekarang ini kerana mereka tidak faham, mungkin mereka rasa kotor, jijik sebab sudah termaikan, rasa berdos dan tidak tahu apa mahu dilakukan, itu yang buat mereka marah Jakim dan Cadbury.

Sebenarnya tidak timbul isu itu kerana dari segi hukum, jika termaikan kerana tidak tahu tidak berdos pun.

Tapi dalam hal ini kita tidak tentu lagi hukum dan kedudukannya status halal produk berkenaan, jadi ekoran perkara itu saya harap masyarakat diberikan pemahaman bahawa kita masih menggantung bukan sebab lambat ambil tindakan, tapi prosedur kilang, kita kena buat secara teratur, jika kita ambil tindakan sekarang pun, atas dasar apa, atas bukti apa untuk bawa ke mahkamah? Jadi di situ akan timbulkan kemarahan, tapi bila kita siasat, kita akan menyasihat keseluruhan. Maksudnya kita akan teliti semula proses di kilang tersebut sama ada berlaku penyelewengan atau tidak.

Kita tidak tahu sampel diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah sampel di pasaran yang diambil secara rawak. Jadi di pasaran kita tidak tahu

apa berlaku. Sebagai contoh, ayam disembelih secara halal, diberikan sijil halal dan sebagainya.

Jika keluar ke restoran masak campur dengan babi katakan, adakah itu kita nak salahkan rumah disembelih? Atau pun kita nak salahkan orang bagi sijil halal? Itu di luar kawalan kita.

Dalam hal ini kita kena tengok menyeluruh, tapi kalau memang terbukti Cadbury ini ada penyelewengan dalam siasatan kita, saya rasa kita orang pertama ambil tindakan.

Dalam soal ini kita perlu siasat terperinci berlandaskan undang-undang yang ada kesan, kalau cepat sangat ambil tindakan tanpa diteliti akan jadi isu pula.

Adakah benar Jakim menyerahkan kepada pihak lain buat uji kaji bagi pengesanan halal untuk diberikan sijil?

HAKIMAH: Tidak, kita buat sendiri. Kita ada auditor yang cekap membuat pemeriksaan audit. Selepas mereka dapat sijil mereka tertakluk di bawah pemeriksaan berkala, yang itu bahagian lain di Jakim akan uruskan.

Tapi kita mahu jaga kualiti supaya tiada pihak ada kepentingan dalam badan itu, proses permohonan akan dilaksanakan oleh kumpulan lain, audit juga individu lain dan pemantauan juga oleh kumpulan lain.

Pihak ingin meluluskan permohonan itu dibuat oleh panel lain yang langsung tidak terlibat dengan pemeriksaan kerana kita jaga supaya tiada pihak berkepentingan di situ.

Bermakna unsur salah laku sukar berlaku?

HAKIMAH: Memang sukar, kalau ada orang mahu rasuah kita, di peringkat mana mereka akan merasuah kita? Kalau di peringkat proses, mereka tidak terlibat membuat keputusan. Begitu juga audit, tidak terlibat.

Banyak kes apabila auditor membuat laporan syor supaya diluluskan, tapi kalau panel tidak berpuas hati tidak akan lulus juga. Kita jaga integriti.

Boleh bagi maklumat proses untuk dapat sijil halal.

HAKIMAH: Permohonan dibuat secara online melalui sistem e-halal. Pihak terlibat kena umum bahan dan produk digunakan dan bahan ramuan termasuk pembekal setiap bahan digunakan itu tahu statusnya.

Kalau syarikat pengeluar ada sijil, boleh tampilkan sekali, tapi kalau tiada sijil, boleh buat rujukan lain serta dokumen lain yang boleh menyokong bahawa tiada penggunaan bahan haram dalam ramuan itu.

Kita teliti bahan mentahnya se-

kali. Contohnya kalau kita berniaga nasi lemak, ada sambal dalam nasi lemak, dalam sambal itu kita kena semak pula dalamnya, contohnya sambal ayam, jadi kita kena tengok ayam itu disembelih secara halal atau tidak. Sampai ke tahap itu kita akan semak.

Jadi bukan semudah itu untuk kita bagi sijil halal. Selepas buat penelitian, kita buat semakan audit secara terperinci dan kita akan ke kilang.

Audit di kilang bukan sahaja bahan ramuan, tapi kita akan tentukan bagi pembuktian berkenaan produk itu. Kita juga tengok proses produk berkenaan, peralatan, kebersihan persekitaran serta pekerjaannya.

Kita jug wajibkan kilang ada eksekutif halal, dan sekarang ini pun kita letak tanggungjawab itu kepada industri terutamanya syarikat multinasional secara berperingkat. Bermula tahun ini kita mewajibkan Sistem Internal Halal iaitu sistem jaminan halal perlu dilaksanakan secara berkeson. Memang itu salah satu keperluan.

Tapi jika kita dapati kilang tidak patuhi peraturan kita keluarkan notis ketidaktakwaan dan ia perlu tutup.

La sama macam sijil halal lain, selepas auditor kita berpuas hati baru buat laporan kepada panel lain. Panel pula kita tidak benarkan pihak yang terdiri daripada pihak auditor.

Auditor tidak boleh masuk mesyuarat panel kecuali perlu mendapatkan penjelasan. Jadi kita akan panggil bagi penjelasan, jadi pihaknya tidak boleh pengaruhi keputusan.

Selepas panel berpuas hati, baru Jakim keluarkan sijil. Sijil itu keluar juga ada ciri-ciri keselamatan daripada segi kertas, kalau restoran kita bekalkan poster berasingan yang ada cip dan boleh tengok dalam halal hub square.

Restoran atau hotel ada logo halal itu boleh dibuat imbasan, kalau sah keluar dan tidak sah pun akan keluar.

Setiap premis kita akan bagi, kalau katakan McDonald, kita bukan bagi satu sahaja, tapi kita akan bagi setiap premis dengan alamat masing-masing.

Selepas itu, pihak tersebut akan terlibat dengan jadual semakan daripada kita untuk satu syarikat tempoh sijil akan dilakukan setahun sekali sekarang-kurangnya, tapi kalau kilang itu berisiko, kita akan pergi lagi kerap dan jika ada aduan kita akan serta merta buat pemantauan dengan pemeriksaan mengejut.

Tapi kalau kita ada keraguan dalam bahan makanan, kita akan ambil sampel hantar ke Jabatan Kimia semasa audit sebelum kita beri kelulusan.

KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12 TARIKH : 2 JUN 2014 (ISNIN)

ISU COKLAT CADBURY

Adakah Jakim akan memperkukuhkan sistem selepas insiden ini?

OTHMAN: Kita akan ikut SOP yang berkenaan, bukan sahaja terhadap Cadbury sahaja tetapi untuk yang lain juga. Kecuali kalau kita setuju supaya syarikat buat pemantauan sendiri dengan mengambil sampel bahan ramuan yang kritikal untuk dihantar ke makmal bagi kepastian mereka.

Adakah sesuai swastakan makmal analisis?

HAKIMAH: Dulu pernah ada. Timbul juga isu ini apabila untuk kita swastakan pemeriksaan, dengan kosnya, integritinya, sebab itu kita ambil balik. Sekarang ini kita perlu perkuat tenaga kita dengan lebih ramai.

Betulkan sijil halal boleh dibeli?

HAKIMAH: Tidak mungkin, tapi jika ada pihak lain yang menyamar jadi pihak Jakim dengan menawarkan kepada orang lain untuk beli mungkin ada. Sebelum ini pun ada laporan bahawa seorang datuk ada jual sijil halal, tapi itu bukan dari kita. Mereka mungkin menyamar dan tawarkan diri untuk memperakui sijil halal memandangkan Jakim begitu susah untuk keluaran sijil halal.

Apa pandangan Datuk ada pihak yang mahu saman Cadbury, adakah relevan atau tidak?

OTHMAN: Kalau maklumat itu tidak sah, apa akan jadi kepada mereka? Mungkin Cadbury akan saman balik kepadanya. Sekarang ini pun Cadbury sudah jatuh (prestasi).

Adakah analisis dibuat Kementerian Kesihatan sama dengan Jakim?

HAKIMAH: Itu Jabatan Kimia yang buat, tapi dalam semakan DNA ini, akreditasi bukan diberikan untuk satu makmal sahaja, semua dia boleh buat. Orang ingat jika makmal beritahu yang dia dapat ISO 17025, jadi satu makmal dapat sijil halal, sebenarnya ia tidak begitu kerana ia akan dapat akreditasi berdasarkan kaedah dan skop, jadi kaedah yang digunakan untuk DNA adalah skop apa? Jadi kalau ia ada dua tiga produk berasaskan daging, ia ada satu kaedah dan skop sahaja. Masyarakat nampak benda ini mudah, mereka ingat kita letak sahaja mikroskop di bawah makanan dan boleh kesan ada babi atau tidak. Bukan macam itu, ia sangat teknikal dan peneitian yang lebih.

Adakah makmal Kementerian Kesihatan boleh buat ujian DNA babi?

MOHD AMRI: Kita kena tengok dari sudut undang-undang, Jabatan Kimia terikat dengan halal di bawah Akta Perdagangan Halal 2011. Halal ini disebut di bawah perintah perdagangan halal, maka undang-undang ini termaklud di di bawah bidang kuasa KPDNKK yang memberi kuasa kepada pegawai Jakim untuk mengambil tindakan. Di bawah akta perdagangan ini mengguna pakai dari Jabatan Kimia sahaja, yang diiktiraf. Di bawah Kementerian Kesihatan ia ada Akta Makanan 1983 menggunakan makmal mereka, tapi dalam bab halal ini, mereka tidak boleh diambil di bawah akta makanan. Ia kena

ambil di bawah Akta Perdagangan 2011 yang hanya menyebut mesti datang daripada keputusan Jabatan Kimia yang diambil oleh orang yang diberi kuasa, sebab itu kami tidak boleh ambil keputusan daripada Kementerian Kesihatan sebab dia tidak mempunyai kuasa di bawah Akta Perdagangan 2011.

HAKIMAH: Sampel yang diambil Kementerian Kesihatan adalah sampel pemantauan, dan dihantar ke makmal kesihatan awam untuk pemeriksaan sahaja, tetapi kalau mahu ambil kes di bawah akta makanan, mereka kena ambil sampel formal dari kilang untuk dihantar ke Jabatan Kimia baru dapat dipastikan.

Apa nasihat Datuk kepada orang ramai?

OTHMAN: Saya minta masyarakat harus lihat balik kedudukan perkara ini, saya pun Orang Islam, kita ada keluarga, takkan kita membenarkan orang lain makan babi. Benda ini sama juga kepada masyarakat.

Tapi Jakim diberikan SOP, jadi Jakim perlu ikut. Kalau kita tidak ikut, apa lagi yang orang akan kata kepada kami. Nasihat saya supaya sabar, kita lihat keputusan mengikut kepada undang-undang yang diberi, jadi kita tunggu Jabatan Kimia sama ada kata positif atau negatif.

Apakah tindakan Jakim selepas ini memandangkan makmal Kementerian Kesihatan dengan Jakim adalah berbeza kerana Jakim menggunakan makmal Jabatan Kimia. Tidakkah mungkin timbul persoalan kepada orang ramai?

OTHMAN: Kita sudah adakan mesyuarat dan keputusan sudah pun ada, cuma kena buat pengumuman. Laporan kepada Jakim dan setelah kita bincang, baru boleh buat pengumuman. Sebenarnya kita sudah ada penyelarasan, dulu pun pernah terjadi kes Ramly Burger, bermula dari situ kita sudah ada pelarasan. Maknanya kita sudah ada persetujuan apa-apa penemuan oleh Kementerian Kesihatan yang berkaitan dengan halal, tidak kira apa pun mesti rujuk Jakim.

Adakah isu ini mempengaruhi Malaysia sebagai hab halal?

HAKIMAH: Memang boleh beri kesan, tetapi memberi kesan apabila ia dijadikan isu yang besar sebegini, seperti pengguna mempertikaikan kita sekarang ini. Jadi seperti keyakinan sudah tidak ada. Seperti saya katakan tadi, kalau kita sudah ada sistem, kalau sudah berlaku di luar kawalan kita, mana kita nak beritahu itu adalah tanggungjawab kita.

Tapi dalam kes ini, kita mesti atasi bagi mengurangkan keresahan, mengembalikan kepercayaan orang ramai.

Adakah berbeza sijil halal yang dikeluarkan negara kita dengan negara Islam lain?

HAKIMAH: Sekarang kita di Jakim ada badan pengiktirafan sijil halal di luar negara, ini kita buat bagi membantu industri apabila mereka mengimport bahan mentah, mereka perlu pengesahan halal daripada negara pengeluar.

Katakan satu bahan import, serbuk peniak dari Belgium katakan, tapi ada juga ramuan lain yang juga diimport merata tempat diguna untuk produk mereka. Jadi kami tidak mungkin akan pengi setiap bahan ramuan untuk dikenalpasti.

Bukan satu syarikat sahaja, dan satu bukan satu produk sahaja. Apa yang kita buat kita akan sarankan badan-badan di luar yang kita yakin untuk membantu kita, mereka keluaran sijil

halal dan kita guna pakai. Kita bukan kita sahaja sarankan, kita juga ada sistem untuk audit pensijilan halal mereka.

Kita akan tengok keupayaan mereka dari sudut syariah, teknikal dan tengok pensijilan yang memberikan kesan kepada mereka yang buat pemantauan di kilang-kilang terlibat.

Selepas kita berpuas hati, baru kita sarankan kepada mereka nanti. Bila kita pergi semak semula, jika tidak patuh, kita akan keluarkan mereka dari senarai kita.

Sekarang ini kita ada 57 badan halal di luar negara yang meliputi 23 negara. Di Malaysia berbeza dengan tempat lain kerana kita di bawah kerajaan, jadi kita ambil tanggungjawab itu, di negara lain, mereka adalah syarikat swasta atau kumpulan badan bukan kerajaan (NGO) yang buat sijil halal. Sebab mereka berada di negara yang minoriti Muslim, jadi mereka buat mungkin untuk memberikan platform mekanisme makanan yang dijual di tempat mereka halal dan untuk menjaga kehormatan orang Islam.

Tapi kita ada sistem yang lebih teratur. Mereka ini mencontohi dengan Jakim untuk membangunkan sistem mereka, lagi pun sekarang banyak negara di Timur Tengah sedang merujuk kita (Jakim) untuk membangunkan sistem mereka. Sebab mereka bukannya ada perkara ini kerana mereka rasakan mereka orang Islam, jadi makanan mereka semuanya halal.

Jadi kita bimbang dengan isu ini akan memberikan imej yang buruk kepada kita.

Adakah sejak berlaku insiden ini, negara luar ada hubungi kerajaan hal ini?

HAKIMAH: Ada, Indonesia, Brunei sudah bertanya dan dari Amerika Syarikat juga sudah menanyakan hal ini kerana melibatkan produk mereka yang dari luar terutamanya di Langkawi, kerana ada sijil, tetapi tiba-tiba berlaku perkara ini, mereka bimbang akan beri kesan kepada produk mereka. Mereka mahu tahu kedudukan kes ini, tapi kita sudah beritahu bahawa kes ini masih dalam siasatan.

Sekiranya ada DNA babi dalam coklat itu, apa tindakan seterusnya.

MOHD AMRI: Jika disabit kesalahan oleh mahkamah boleh dikenakan tindakan di bawah Perintah Perdagangan Tariff Halal 2011 di bawah Akta Perdagangan 2011, maka boleh dikenakan denda sehingga RM5 juta maksimum.

Jadi sebelum ke mahkamah perlukan pembuktian, denda ini kerana Cadbury merupakan syarikat besar, tapi jika syarikat kecil (individu) dikenakan penjara RM1 juta dan penjara tiga tahun. Contohnya jika kes seorang mak cik jual nasi lemak.

HAKIMAH: Kalau terbukti memang kita akan ambil tindakan, itu yang kita kena siasat dulu kerana kesannya besar. Kita juga bukan sahaja tumpu kepada keputusan analisis sahaja, tapi tumpu kepada perkara lain-lain lihat secara keseluruhan. Tempoh untuk pendakwaan bermula dengan Jakim buka kertas siasatan kemudian hantar ke KPDNKK untuk teruskan proses.

Soalan: Jika sesebuah syarikat ditarik sijil halal, adakah mereka boleh pohon balik?

HAKIMAH: Kalau syarikat terbabit membuat tindakan pembetulan dan memperbetulkan kesemuanya, mereka boleh pohon, jika sesebuah syarikat ditarik balik sijil halalnya, ia tidak akan kekal status itu. Jika mereka mungkin tukar prosedur pembuatan, mereka boleh pohon.

Melaka Biotech sedia bantu Jakim

■ AMRAN ALI

MELAKA - Melaka Biotechnology Corporation (Melaka Biotech) bersedia untuk membantu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menjalankan analisis halal termasuk mengesan DNA babi, sama ada untuk pengawasan atau pensijilan halal.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Badrul Hisham Badrudin berkata, Melaka Biotech mempunyai makmal untuk memberi perkhidmatan ujian kepada pelanggan meliputi Makmal Toksikologi, Makmal Kimia & Teknologi Makanan, Makmal Mikrobiologi dan Makmal Halal & Biologi Molekul.

Beliau berkata, Makmal Toksikologi di Melaka Biotech mendapat pensijilan Amalan Baik Makmal (GLP) di bawah Organisasi Untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK).

Sekali gus, katanya, ia membolehkan laporan ujian dari makmal itu boleh digunakan sebagai negara-negara OECD seluruh dunia.

"Makmal-makmal lain di Melaka Biotech turut mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 yang bermakna keputusan dikeluarkan boleh dipercayai, tepat dan sesuai digunakan bagi tujuan pendaftaran di negara ini, mahupun untuk eksport ke luar negara," katanya.

Beliau berkata, Melaka Biotech ditubuhkan pada 2005 atas nama Perbadanan Bioteknologi Melaka setelah menyahut seruan kerajaan pusat seiring dengan perkembangan industri bioteknologi.

Menurutnya, Melaka merupakan negeri pertama menyahut seruan itu dan ia diwujudkan serentak dengan Malaysian Biotechnology Corporation yang ditubuhkan pada tahun sama.

"Makmal di Melaka Biotech menawarkan perkhidmatan ujian mak-



Penyelidikan dijalankan dengan teliti mengikut permintaan pelanggan.

mal bagi tujuan pendaftaran produk sebelum dipasarkan termasuk ujian fakta nutrisi, analisis logam berat dan ujian mikrobiologi.

"Kita melakukan ujian fakta nutrisi bagi mengetahui kandungan nutrisi sesuatu produk bagi tujuan pelabelan produk makanan dan minuman. Analisis logam berat dijalankan untuk mengetahui kandungan logam berat dalam produk makanan dan minuman sama ada memenuhi piawaian yang ditetapkan dalam Akta Makanan," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, ujian mikrobiologi dijalankan bagi mengetahui kandungan mikroorganisma dan mengesan mikroorganisma merbahaya dalam produk makanan serta minuman.

"Melaka Biotech turut menawarkan ujian bagi mengesan ketoksikan dalam makanan dan minuman. Ujian ini merupakan saringan untuk menentukan tahap keselamatan produk.

"Kita berkemampuan melakukan ujian halal bagi mengesan kehadiran DNA babi dalam produk makanan dan minuman," katanya.

Beliau berkata, Melaka Biotech turut menawarkan perkhidmatan for-

mulasi produk, rundingan dan nasihat seperti pensijilan MeSTI, halal, proses pendaftaran produk makanan dan sistem kualiti (ISO 17025 dan GLP).

"Kita juga melakukan projek penyelidikan dalam pembangunan produk makanan, latihan kepada pengusaha di samping menyelidik dari segi teori dan praktikal. Dengan ekosistem yang ada di Melaka Biotech, ia mampu menarik pelaburan untuk datang ke negeri Melaka.

"Selain produk makanan, Melaka Biotech turut bertauliah dalam menjalankan pengujian terhadap produk ubat-ubatan seperti herba, suplemen kesihatan dan kosmetik," katanya.

Badrul Hisham berkata, Melaka Biotech turut menyambut baik cadangan Jakim untuk memberi pengiktirafan kepada makmal yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) dalam ujian halal.

"Ia diputuskan dalam mesyuarat khas pada 26 Mei lalu antara Jakim, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Jabatan Standard Malaysia berikutan



Melaka Biotech mampu menganalisis produk dari sumber tidak halal.

isu penemuan DNA babi dalam produk keluaran syarikat Cadbury.

"Justeru, kepakaran kita di Melaka Biotech boleh digunakan untuk memudahkan pengusaha produk makanan dan minuman bukan sahaja dari Melaka, malah negeri-negeri lain khususnya yang berhampiran seperti Negeri Sembilan dan Johor supaya dapat datang ke Melaka Biotech menghantar produk mereka ke sini untuk menjalani ujian halal," katanya.

Beliau turut mengalu-alukan syarikat yang berunsurkan pemakanan dan minuman meliputi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan industri berat bagi menjalankan ujian makmal untuk menjamin produk berkualiti.

"Dengan kelengkapan yang ada, kita mampu menganalisis produk mereka supaya pengguna dapat tahu kandungannya. Sebagai seorang pengguna kita perlu tahu kandungan makanan dan minuman yang kita gunakan," katanya.

Beliau berkata, isu DNA babi yang terdapat di dalam produk coklat perlu diambil pengajaran tentang betapa perlunya pemeriksaan serta analisis secara terperinci bagi setiap kelompok

makanan dan minuman dikeluarkan di negara ini, malah tidak ketinggalan juga produk yang diimport.

"Apabila timbul isu berkenaan, saya rasa Jakim perlu mengambil lebih inisiatif terhadap setiap produk dikeluarkan dengan mengambil setiap kelompok atau batch untuk dibuat analisis.

"Ada beratus ribu produk di luar sana. Jadi dengan ada makmal-makmal yang diiktiraf ini dapatlah digunakan Jakim untuk menganalisis produk tersebut, selain satu-satu sumber sebelum ini iaitu Jabatan Kimia," katanya.

Beliau menjelaskan, sudah pasti Jabatan Kimia mempunyai kekangan mereka sendiri untuk menganalisis beratus ribu produk yang ada untuk mengiktiraf status halalnya.

"Jakim perlu ada rasa kepercayaan sebab kita di sini semuanya lengkap. Setakat ini terdapat 11 buah makmal seluruh Malaysia termasuk Jabatan Kimia yang boleh menjalankan pelbagai ujian halal. Selama ini bukan sahaja Melaka Biotech, malah keputusan ujian halal oleh Kementerian Kesihatan juga tidak mendapat pengiktirafan Jakim," katanya.



Badrul Hisham (lima, kanan) bersama kakitangan Melaka Biotech yang komited dan berkemahiran.



Kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan di makmal serba canggih.

Concerns persist with latest firearms discovery

By Fahirul N. Ramli
fahirul@mmail.com.my

PETALING JAYA — Police stumbled upon a bag containing two guns, believed to have been smuggled in from Thailand, at the Bukit Kayu Hitam Duty Free Zone Shopping Complex last Monday, raising further concerns over our porous borders.

A General Operations Force personnel saw the bag some 60m from the complex's main entrance at 7am and suspected something amiss.

Four officers were deployed to the scene to monitor if anyone picked up the bag. They waited for 13 hours before they inspected the bag and found two pistols — a chrome Smith & Wesson .357 Magnum and a Smith & Wesson .38 Special CTG — and 50 live bullets. The firearms were wrapped in a Thai newspaper and white towels.

They also found a T-shirt and two pairs of jeans in the bag.

Kedah CID chief ACP Mohd Nashir Ya said police believe the firearms were smuggled from across the border.

"We believe the bag was supposed to be picked up by a potential buyer. We are looking at all angles including if triads are involved," Nashir said.

He said the bag was at an area where there were no closed-circuit television cameras.

"It was placed away from the complex's main entrance and some 150m away from the immigration officer's office at the border."

Malay Mail also learnt police took statements of the five GOF personnel involved in the stakeout.

A police forensics team also visited the location to take pictures.

It's learnt no fingerprints were found on the bag or guns. The clothes in the bag



The guns and bullets that were found in the bag.

were sent to the Chemistry Department while the guns were taken to the forensics laboratory for ballistics tests.

Issues surrounding security at the borders hogged the limelight in recent times.

Earlier this year, police in Kedah and Penang rescued several Myanmar nationals who were smuggled into the

country through the Thai border by a human trafficking syndicate.

Several people, linked with terrorist groups Al-Qaeda and Al-Shabaab, were arrested in various locations nationwide, raising questions as to how they were able to enter the country.

Two passengers on board the missing Flight MH370 used fake passports, raising

concerns as to how easy it was to enter and exit the country with tampered documents.

A tourist from Shanghai and a Filipino resort worker were kidnapped by a group of gunmen from a resort in Sabah in April. They were rescued by a joint operation between Malaysia and the Philippines authorities on Friday.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 30
TARIKH: 02 JUN 2014 (ISNIN)

CUTI SEKOLAH

Rancang program bermanfaat elak anak ke kafe siber

Cuti sekolah kembali lagi. Waktu ini adalah masa yang dinanti pelajar khususnya kerana cuti yang panjang dua minggu mungkin telah dirancang dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah oleh ibu bapa.

Anak-anak amat gembira kerana diberikan peluang untuk berehat dan bersantai setelah penat menelaah pelajaran.

Ketika cuti sekolah, kafe siber menjadi tumpuan pelajar untuk menghabiskan masa lapang. Bagi mereka dengan bermain di internet seharian suntuk dapat mengurangkan tekanan dan emosi.

Hassan Al-Banna pernah mengatakan: "Waktu adalah kehidu-

pan. Mensia-siakan waktu bererti mensia-siakan kehidupan."

Banyak buang masa

Lepak di kafe siber dan bangun lewat menjadi budaya remaja kini bagi menghabiskan cuti sekolah kerana mereka bebas daripada melakukan rutin harian seperti bangun awal ke sekolah, membuat kerja rumah, menghadiri aktiviti kokurikulum dan pergi ke pusat tuisyen.

Mereka diberi masa untuk berehat daripada penat menuntut ilmu, tetapi sayang kebanyakan masa dihabiskan dengan melakukan perkara yang melalaikan. Selama ini kita memberikan

pelbagai alasan seperti sibuk dengan melakukan rutin harian untuk mendalami ilmu agama, jadi inilah masa untuk memantapkan ilmu agama dan menambahkan pengetahuan luar daripada skop yang diajar di sekolah. Antaranya menyertai kem solat, belajar membaca al-Quran, buku dan majalah agama; jangan hanya membaca komik.

Berbanding melepak bersama kawan, ada baiknya jika cuti pada kali ini dimanfaatkan dengan meluangkan masa bersama keluarga terkasay, menolong ibu bapa menguruskan rumah seperti

menjaga adik, membantu ibu di dapur atau membantu bapa membasuh kereta. Pada waktu cuti inilah kita digalak mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Peranan ibu bapa terhadap anak-anak

Ibu bapa memainkan peranan penting bagi memastikan anak tidak menghabiskan masa cuti sekolah dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah.

Bawalah mereka ke pusat beli-belah bukan bermaksud mengajar mereka membeli-belah semata-mata, tetapi galakkan mereka menyertai aktiviti seperti pertandingan melukis,

mewarna atau mencipta sesuatu di pusat beli-belah berkenaan bagi mencungkil bakat terpendam.

Bawalah anak melawat ke tempat bersejarah seperti Muzium Negara, Muzium Kesenian Islam, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara. Dari situ, mereka dapat mempelajari asal usul setiap monumen yang dibangunkan.

Ibu bapa juga perlu menguruskan masa anak dengan lebih berhemah, penuh kasih sayang dan prihatin agar cuti sekolah mampu dimanfaatkan sebaik mungkin.

Erwani Ghazali,
USIM

Need to re-look 'sustainable development'

PRIORITY: It is time to shift from overemphasising land use to focusing on human wellbeing

ASK any taxi driver about the importance of sustainable development in nation building, and many will have things to say.

Nowadays, everyone talks about sustainable development. Though many pretend they understand what sustainable development means, they may not have the same interpretation.

For example, do the criteria for sustainable development apply equally to developed and developing nations? There are views that maintain they should be judged differently along the lines of common but differentiated principles.

Admittedly, it is difficult to deny the usefulness of the concept, which was first pushed into world attention in the early 1980s. We all agree that the concept of sustainable development, as articulated in the many reports released, is noble indeed. Who would not want to

have sustainable development which promises almost unlimited progress for all generations?

This explains why it has not been difficult to get the majority to buy in on the concept.

The most popular definition for sustainable development must surely be the one proposed in the Brundtland Report released by the United Nations in 1987.

Titled "Our Common Future", the report defined sustainable development as the type of "development which meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs".

The report went further to emphasise that "a world in which poverty and inequity are endemic will always be prone to ecological and other crises. Sustainable de-

velopment, therefore, requires that societies meet human needs both by increasing the productive potential and by ensuring equitable opportunities for all".

This definition, however, leaves much room for interpretation. In the context of land use, the developing world is being pressured by governments, powerful lobby groups, and corporate bodies to subscribe to the "zero deforestation" prescription, driven as it were in the name of sustainability.

The dilemma is how can a country develop without opening up new land? Or for that matter, which rich country would pay to leave forests untouched?

Lately, there is concern that the noble objectives of sustainable development may have strayed from its original course.

Many are concerned that it has been hijacked for use as an instrument for trade discrimination. Worse still, there are groups earning money under the guise of sustainable development by creating fear in some industries that have the slightest implications on sus-

tainability. The palm oil industry is one which has had to fight hard to ward off such discrimination.

The question is whether such definition premised on people, profit and planet applies equally to all countries. Or should the definition differ for developing countries?

Land use is one of the contentious issues in sustainable development. Land is after all the most precious and irreplaceable resource. It is also one of the basic production factors within the economic system.

The increased global demand for land in recent years is creating increased tension among competing needs at the global, national and local level.

At the global level, land is increasingly seen as important for providing various ecosystem services for the planet. In this regard land is viewed as a sink for pollution, as habitat for wildlife, as soil important for agricultural production and as a purifier for drinking water.

At the national level, the availability of land raises prospects for poverty eradication, investment and wealth creation.

At the local level, land provides

the economic basis for people's livelihoods and represents spiritual and cultural values.

Much of the early ideas underpinning the debate on sustainable development were articulated by scholars of multidisciplinary backgrounds working in ivory towers and think tanks based in the developed world.

The debate often challenges the belief that consumption is the most important contributor to welfare. Writing from the perspectives of post-industrial societies, however, their thinking on sustainability was biased on the preservation of ecosystem services, while the social dimension was mainly under-discussed.

By not paying enough attention to other fundamental aspects of human wellbeing, the definitions by early sustainability scholars result in a weak conceptual framework to discuss issues of development.

This runs counter to the human-centric prioritisation of the needs of the poor by the Brundtland Report. It is time for the sustainability agenda to shift from overemphasising land use to giving more considerations to the human dimension.



Dr Ahmad Ibrahim
is fellow of the
Academy of
Sciences Malaysia

Experts: El Nino not to be taken lightly

By Ida Nadirah and Ho Kit Yen
mmnews@mmail.com.my

PETALING JAYA — While the actual ferocity of El Nino this year is not known yet, experts say it is important to take early precautions as its impact will affect human lives, climate and socio-economic issues.

In major parts of Southeast Asia, prolonged drought associated with the strong El Nino climate system in 1982-1983 and 1997-1998 brought widespread and uncontrollable forest fires, which led to severe transboundary haze.

Universiti Malaya (UM) meteorological expert Dr Sheeba Chenoli said the longest and severe episode, starting in 1997, resulted more than US\$4 billion (RM12.87 billion) in economic losses across Southeast Asia, including Malaysia.

"When a strong El Nino is predicted, the authorities should take steps concerned to reduce the risk of widespread fires in the region to prevent the outbreak of smoke-

haze episodes," she said.

Dr Sheeba said while the months from May to August were relatively dry due to the southwest monsoon season nationwide, the signature of El Nino this year may only become evident in July or August.

"Based on the World Meteorological Organisation's April 15 report on the current situation and outlook for El Nino, the sea surface temperature over the western Pacific is neutral," she said.

"However, current temperatures below the surface of the tropical Pacific have warmed to a level similar to conditions prior to the onset of an El Nino event."

UM's Centre for Climate Affairs director Prof Dr Khairulmaini Osman Salleh said in an El Nino event, the easterly wind was not strong enough to reach Southeast Asia, which would result in the wind turning back to South American countries and bringing heavy rainfall to the area.

He explained that during the southwest monsoon season, the dry weather contributed to increased temperatures.

"During this period, Malaysia relies on convectional rain, where land water will be

heated and evaporate into the air," he said.

"The water condenses into cloud and creates rainfalls."

The senior lecturer said Southeast Asia was a heavily developing region, generating pollution from its economic activities.

He said the public must be proactive during dry weather by reducing the potential hazards, especially economically.

"It's dangerous to the people when we have dry weather and pollution at the same time," he said.

He said by reducing the amount of greenhouse gases — such as carbon dioxide and carbon monoxide — in our daily activities, it could reduce heat and pollution.

Universiti Malaysia Sabah senior lecturer Dr Justin Sentian there was a 59 per cent probability of countries along the Equator line being affected by El Nino.

"If the sea surface temperature increases by more than 0.5 degree Celsius and is sustained for three months, then we are in the El Nino phenomena," he said.

Dr Sentian, who teaches climate change and atmospheric chemistry, said although the strength of El Nino had not yet been

determined, the rise in temperature would result in forest fires and haze.

"El Nino might have an impact on agriculture production," he said.

"Studies show the phenomenon does have an effect on production after a prolonged period."

He said the people would have to adapt themselves to the dry weather because there was not much that could be done.

The National Meteorological Department said if El Nino occurred, it would be by mid-year.

The department said in a statement on May 27 that El Nino could cause a low amount of rainfall, especially in East Malaysia, while the peninsula would be less affected.

"The public is advised not to conduct open burning, reduce outdoor activities, avoid water wastage and drink plenty of water to keep hydrated," it said.

"We will monitor the situation from time to time and the public can contact us through our hotline number 1-300-221638 or visit the department's website to get the latest information."